

Bimbang jangkiti keluarga

Alor Setar: “Apabila dimaklumkan dapat balik ke kampung, perasaan bimbang tetap ada kerana berisiko jangkitan virus Covid-19 kepada ahli keluarga lain”

Itu kata penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor, Noraishah Abidin, 22, ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar, sebaik tiba dari ibu kota, semalam.

Bagaimanapun, katanya, semua penuntut diwajibkan menjalani proses nyah cemar terlebih dahulu sebelum menaiki bas.

“Proses sanitasi dilakukan anggota bomba. Selain itu, kami turut menjalani pemeriksaan suhu badan sebelum dibenarkan menaiki bas.

“Malah, ketika berada dalam bas kami duduk dalam jarak satu meter,” katanya.

Menurutnya, sepanjang 40 hari berada di kampus, hubungan dia dan rakan-dari negeri lain bertambah erat.

Katanya, lebih menggembirakan apabila pihak pengurusan kolej di universiti berkenaan banyak memberi sokongan moral, selain makan minum yang cukup.

Seorang guru, Azizah Ahmad, 40-an berkata, tidak dapat digambarkan perasaannya apabila mengetahui ketiga-tiga anaknya, Mohd Hanif Mokhti, 23, Mohd Mukri, 22, dan Nor Dalila, 20, selamat tiba di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar, pada jam 5 pagi, semalam.

“Saya tidak dapat melepaskan mata sepanjang menunggu ketibaan mereka. Sebaik selesai

bersahur saya menjemput mereka, hati saya sangat lega.

“Sebelum ini, saya susah hati apabila dimaklumkan hanya dua daripada tiga anak dibenarkan pulang kerana seorang lagi tidak sempat mendaftar nama di universiti berkenaan.

“Namun saya tidak putus berdoa, dan syukur anak sulung memaklumkan mereka bertiga akan pulang menaiki bas sama,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Mohd Rozi Jidin berkata, seramai 130 penuntut dari tujuh universiti awam (UA) dari Lembah Klang tiba dengan menaiki sembilan bas pada jam 5 pagi.

Beliau berkata, sebahagian penuntut dijemput ahli keluarga manakala sebahagian lagi dihantar anggota polis ke rumah masing-masing.

Seramai 130 penuntut dari 7 universiti awam dari Lembah Klang tiba menaiki sembilan bas